

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 31 HUKUM TINDIK KELAMIN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-229 yang bersidang pada 23 hingga 25 Safar 1444H bersamaan 20 hingga 22 September 2022M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Tindik Kelamin.

Tindik bermaksud membuat lubang pada cuping telinga, hidung dan sebagainya. Kelamin bermaksud alat kemaluan lelaki iaitu zakar dan alat kemaluan wanita iaitu vagina atau faraj. Oleh itu, tindik kelamin bermaksud membuat lubang pada alat kelamin lelaki atau perempuan dengan memasang alat tertentu sama ada secara kekal atau sementara.

Bahagian kelamin yang biasa ditindik pada lelaki meliputi batang atau hujung zakar. Manakala bagi wanita melibatkan klitoris, selubung klitoris, bibir vagina bahagian dalam atau bibir vagina bahagian luar. Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa hukum tindik kelamin adalah seperti berikut:

- a) **Haram** hukumnya kepada seseorang Muslim sama ada lelaki atau perempuan menindik kemaluan mereka dan dikira berdosa disebabkan perlakuan tersebut;
- b) **Wajib** ke atas pelakunya menghilangkan alatan yang telah ditindik di kemaluan mereka dan diminta segera bertaubat;
- c) **Elakkan** berimamkan mana-mana individu yang didapati menindik kemaluan mereka ketika solat berjemaah kerana perbuatan haram secara nyata membawa kepada kefasikan.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menyarankan pihak berkuasa penjara atau Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa memberi kesedaran akan kemudaratan dalam agama dan kesihatan kepada para banduan sebagai menunaikan hak dan tanggungjawab terhadap agama serta tugas.

Tarikh : 5 Ogos 2026

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9

Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah



(S.S. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)

Timbalan Mufti Negeri Perak